



Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542

KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI BERKENAAN JANGKITAN KOLERA (TAUN) SEMPENA MUSIM BANJIR DAN CUTI HARI RAYA AIDIL ADHA

26 NOVEMBER 2009

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin memaklumkan bahawa semenjak 22 November 2009, tiada kes kolera baru dilaporkan di Negeri Terengganu dan bilangan kes terkumpul kekal 185. Disamping itu, kes-kes cirit-birit yang dilaporkan turut menunjukkan trend penurunan yang ketara sejak 17 Nov 2009. Daripada 185 kes tersebut, hanya 47 kes masih dirawat di hospital. Pengurangan ini adalah disebabkan langkah-langkah kawalan yang berkesan telah diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Walaupun terdapat pengurangan kes yang ketara, masih terdapat pembawa yang di kesan dan risiko jangkitan masih lagi wujud di kawasan-kawasan terbabit. Sehubungan dengan itu, Kementerian Kesihatan Malaysia ingin menasihatkan orang ramai agar mengambil langkah-langkah pencegahan berikut sempena musim banjir dan cuti Hari Raya Aidil Adha ini.

1. Amalkan penjagaan kebersihan diri dan persekitaran yang baik. Amalan membasuh tangan dengan sabun sebelum makan, selepas makan dan selepas keluar daripada tandas perlulah dijadikan satu amalan. Pastikan persekitaran tempat tinggal, premis makanan dan pusat pemindahan banjir sentiasa bersih bagi mengelakkan kedatangan lalat, lipas dan tikus. Lupuskan sampah dengan betul dan gunakan tandas yang sempurna. Tarik pam atau curahkan mangkuk tandas selepas menggunakannya.

2. Masak makanan dengan sempurna dan makan makanan sebaik-baiknya yang masih panas. Makanlah buah-buahan yang telah dikupas kulitnya dan dibasuh dengan air yang bersih. Elakkan makan-makanan yang berisiko tinggi seperti sayuran yang tidak dimasak dan makanan laut yang tidak dimasak dengan sempurna.
3. Minum air yang dimasak atau air minuman/mineral yang dibotolkan. Gunakan air yang dibekalkan kerajaan dan elakkan meminum air yang tidak dirawat seperti air telaga dan air sungai. Elakkan menggunakan air batu.
4. Elakkan mandi dan bermain-main dengan air banjir. Meminum air banjir adalah ditegah sama sekali.
5. Orang ramai digalakkan makan makanan yang dimasak sendiri di rumah. Jika ingin makan di luar, pilihlah premis makanan yang bersih, mempunyai bekalan air yang sempurna dan tandas yang bersih. Pastikan makanan yang dihidangkan adalah bersih dan tidak dihinggapi lalat. Pilih makanan yang baru dimasak ataupun yang masih panas.
6. Pemilik premis makanan juga perlu menggunakan air yang dibekalkan oleh Kerajaan atau air yang telah diklorinkan, baik untuk tujuan minuman ataupun membasuh peralatan atau makanan. Elakkan menggunakan salur getah untuk sambungan paip air. Air untuk minuman mesti dimasak terlebih dahulu. Masak makanan dengan sempurna, hidangkan makanan semasa ia masih panas, elakkan menyentuh makanan secara langsung, lindungi makanan daripada lalat dan sediakan tempat basuh tangan dan sabun secukupnya.
7. Jangan menyedia dan mengendalikan makanan jika tidak sihat terutama yang mengalami gejala cirit birit.
8. Perlulah berwaspada jika ingin mengadakan jamuan seperti kenduri-kendara atau menyediakan makanan di pusat pemindahan banjir. Semasa menyediakan makanan, patuhi nasihat-nasihat di atas sepenuhnya. Elakkan menggunakan air batu dan sentiasa menjaga kebersihan pesekitaran.

9. Sentiasa bekerjasama dengan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan dan mengikut nasihat yang mereka berikan.
10. Orang ramai yang pulang bercuti Hari Raya Aidil Adha, melawat kawasan-kawasan yang dilanda jangkitan kolera atau kawasan banjir, atau menghuni pusat pemindahan banjir, dinasihatkan agar sentiasa memantau kesihatan diri sendiri, dan segera mendapatkan rawatan jika mengalami cirit-birit.

Kementerian Kesihatan Malaysia ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidil Adha kepada semua rakyat Malaysia dan berharap semuanya dapat mengekalkan kesihatan diri yang baik.

Sekian, terima kasih.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

26 November 2009